

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar isu kesihatan mental yang dilaporkan mengikut jantina dan umur semasa wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang tempoh wabak Covid-19 yang berlaku, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah 1,001 klinik-klinik kesihatan primer masih meneruskan perkhidmatan termasuk saringan dan rawatan kesihatan mental. **Perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial dilaksanakan melalui talian** bersesuaian dengan situasi pandemik bagi membantu masyarakat yang terkesan dengan perubahan semasa.

2. Talian ini beroperasi di CPRC Kebangsaan dan CPRC Negeri. Selain itu, **talian helpline turut melibatkan beberapa agensi Kerajaan dan badan bukan Kerajaan seperti MERCY Malaysia**. Bagi pengoperasian perkhidmatan secara talian ini, **petugas-petugas yang mengendalikannya adalah terdiri daripada pegawai psikologi kaunseling serta pakar-pakar perubatan yang terlatih dalam bidang kesihatan mental.**

SOALAN NO : 44

3. Sehingga 11 November 2020, sebanyak 37,009 panggilan telah diterima dan isu sokongan emosi yang berkaitan aspek psikologi mencatatkan bilangan pemanggil tertinggi iaitu sebanyak 19,729 panggilan (53.3%) daripada jumlah tersebut. Antara isu lain yang direkodkan adalah ingin mendapatkan atau mengesahkan maklumat Covid-19 (12.6%), aduan berkenaan majikan atau pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) (3.28%), keperluan sumbangan atau bantuan (4.98%), isu rumah tangga (4.6%), keganasan rumah tangga (2.7%) dan selebihnya pelbagai isu lain (18.54%).
4. Berdasarkan maklumat pemanggil mengikut jantina yang direkodkan, didapati 52.1% adalah pemanggil wanita, manakala 47.9% adalah pemanggil lelaki. Isu utama yang diterima daripada pemanggil wanita adalah berkenaan sokongan emosi, kaunseling dan psikologi, isu berkaitan rumahtangga dan keganasan rumahtangga, manakala kebanyakkan pemanggil lelaki menghubungi talian ini untuk membuat aduan majikan, mendapatkan maklumat berkenaan Covid-19 dan mendapatkan bantuan.
5. Selain itu, pecahan pemanggil yang ingin mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial mengikut umur adalah terdiri daripada 55.3% daripada kategori umur 20 hingga 39 tahun, 30.8% daripada kategori umur 40 hingga 59 tahun, 7% daripada kategori umur 60 tahun ke atas (warga emas), 2.7% daripada kategori umur 19 tahun ke bawah (remaja) dan selebihnya iaitu sebanyak 4.2% tidak menyatakan umur mereka.

Sekian, terima kasih.